

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MELUKIS
POSTER KEMPEN MAKAN SAMPAI HABIS SEKOLAH-SEKOLAH
PERINGKAT SEBERANG PERAI
7 JUN 2015 (AHAD), JAM 8:30 PAGI**

Yang Berhormat Tuan Ong Chin Wen

ADUN Bukit Tengah

Yang Dihormati Ahli Majlis – Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-guru dan Pelajar-pelajar

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan hadirin sekalian,

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam sejahtera dan selamat pagi kepada semua.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Penyampaian Hadiah

Pertandingan Melukis Poster Kempen *Makan Sampai Habis Sekolah-Sekolah Peringkat Seberang Perai* dan *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* pada pagi ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada guru-guru, tuan-tuan, puan-puan dan pelajar-pelajar kerana sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Kempen Makan Sampai Habis diadakan adalah bertujuan untuk, memupuk budaya berjimat cermat dan menghargai makanan, mengurangkan sisa makanan yang dijanakan dan seterusnya mengurangkan sisa organik dihantar ke tapak pelupusan sampah. Kempen ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan mengurangkan pembaziran makanan. Mengikut kajian yang dibuat oleh Satang Sdn Bhd pada tahun 2003, 42 peratus daripada sampah yang dibuang ke tapak pelupusan adalah sisa organik. Sisa makanan atau organik menjana gas metana (CH₄) yang merbahaya kepada manusia. Gas ini adalah 21 kali lebih bahaya dari Karbon Dioksida (CO₂). Oleh itu kita perlu berusaha untuk mengurangkan sisa organik ke tapak pelupusan. Justeru dengan adanya program seperti ini, MPSP dapat

membantu mengurangkan kepanasan global dan selaras dengan '*Think Global, Act Local*' / '*Learn Global, Apply Local*'.

2. Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan mengurangkan pembaziran makanan, pelbagai kempen telah diadakan seperti pertandingan melukis poster sekolah-sekolah, bunting dengan mesej kesedaran, pelapik pinggan dan apron serta *road show*. Pertandingan melukis poster ini telah bermula dari bulan November 2014 dan tarikh tutup pertandingan adalah pada 27 Mac 2015.

3. Pertandingan melukis poster adalah terbuka kepada semua sekolah rendah dan menengah di Negeri Pulau Pinang. Poster pertandingan adalah berasaskan tema Makan Sampai Habis, bersaiz A3 dan tiada tulisan ayat. Bagi pertandingan melukis poster peringkat Seberang Perai, MPSP telah terima sebanyak 90 poster bagi kategori sekolah rendah dan 38 poster bagi kategori sekolah menengah. Pengundian melalui laman web www.pgcaringsociety.com telah diadakan dari 1 April 2015 hingga 15 Mei 2015. Untuk makluman sebanyak 3,404 orang telah mendaftar walaupun bagaimanapun hanya 1,567 orang sahaja yang telah mengundi bagi memilih 10 poster terbaik bagi setiap kategori

untuk pertandingan akhir peringkat negeri. Peratusan orang yang mengundi adalah 46% daripada yang mendaftar di laman web <http://www.pgcaringsociety.com.my/>. Majlis memohon penglibatan yang lebih tinggi dari orang awam dalam program-program yang dianjurkan di masa hadapan. Manakala bagi penilaian Peringkat Negeri, ia akan dinilai oleh juri yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Hadiah-hadiah bagi peringkat Seberang Perai adalah:

- i. 10 peserta terbaik Kategori Sekolah Rendah, hamper bernilai RM50 dan sijil
- ii. 10 peserta terbaik Kategori Sekolah Menengah, hamper bernilai RM50 dan sijil

Manakala Hadiah-hadiah Pertandingan bagi peringkat Negeri adalah:

i. Kategori Sekolah Rendah

Tempat Pertama, RM2000 untuk pihak sekolah dan RM500 untuk pelajar dan sijil.

Tempat Kedua, RM1500 untuk pihak sekolah dan RM300 untuk pelajar dan sijil.

Tempat Ketiga, RM1000 untuk pihak sekolah dan RM100 untuk pelajar dan sijil.

Saguhati, RM100 untuk pihak sekolah dan RM50 untuk pelajar dan sijil

ii. Kategori Sekolah Menengah

Tempat Pertama, RM2000 untuk pihak sekolah dan RM500 untuk pelajar dan sijil.

Tempat Kedua, RM1500 untuk pihak sekolah dan RM300 untuk pelajar dan sijil.

Tempat Ketiga, RM1000 untuk pihak sekolah dan RM100 untuk pelajar dan sijil.

Saguhati, RM100 untuk pihak sekolah dan RM50 untuk pelajar dan sijil.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pasukan Kerja LA21 MPSP telah mengadakan *road show* untuk Kempen Makan Sampai Habis seperti berikut:

- i. 30-3-15- Megamal Pinang
- ii. 4-4-15 -Karnival St Mark, Butterworth
- iii. 10-4-15- Lobi Bangunan Ibu Pejabat MPSP

- iv. 11 & 12-4-15- Stadium Batu Kawan
- v. 19-4-15- Taman Berjaya
- vi. 25-4-15 - SABK Al-Madrasah Al-Khairian Al-Islamiah Pokok Sena
- vii. 1 & 2-5-15- Econsave, Sg Bakap
- viii. 3-5-15 - Seberang Jaya (Car Free Morning)
- ix. 8-5-15- SJKC Boon Beng
- x. 9-5-15 - SJKC True Light
- xi. Taman Kota Permai

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Penganjur bersama untuk Kempen Makan Sampai Habis adalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Penang Green Council.

Sebelum mengakhiri ucapan, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada agensi-agensinya yang terlibat sebagai penaja dalam Kempen Makan Sampai Habis iaitu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Red One, My Kualiti, WINX Dance & Music Studio, Foodpanda, Ang Chu dan My Pop Corn.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.